

14/08/2000

Indy-40 Enduro mampu pikat pelancong

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam lawatan kerja tiga hari ke pulau ini, meluangkan masa lebih sejam menyaksikan Kejohanan Indy-40 Enduro di Litar Kart Antarabangsa Morac di Pantai Cenang.

Perdana Menteri yang tiba di litar berkenaan pada jam 11.15 pagi turut diberi penghormatan melepaskan peserta kejohanan yang disertai lebih 20 pasukan.

Dalam perutusan buku cenderamata kejohanan, Perdana Menteri berkata, kerajaan memilih Langkawi yang menjadi gelanggang Kejohanan Indy-40 Enduro sebagai kawasan utama pertumbuhan pelancongan.

"Kita menjemput peserta mengambil masa cuti untuk menikmati kemesraan penduduk dan keindahan pulau ini sebelum kembali menyampaikan pengalaman menarik mereka di sini kepada keluarga dan sahabat handai.

"Kita juga mengalu-alukan kehadiran mereka kembali ke pulau lagenda ini untuk menyertai peringkat akhir Pertandingan Rotax Max Challenge yang akan diadakan di litar berkenan sirkit sama pada 2001," katanya.

Berikutan Indy-40 Enduro 2000 adalah yang pertama pada alaf baru, Dr Mahathir berpendapat wajar mengenang kembali falsafah di sebalik kejohanan yang diperkenalkan sempena Hari Kebangsaan ke-40 pada 1997.

"Kualiti yang diperlukan pelumba untuk memenangi perlumbaan ialah semangat juang yang tinggi, kekuatan minda, toleransi dan kerjasama berpasukan," katanya.

(END)